

KEADAAN tebing yang menyebabkan berlaku pergerakan tanah di belakang sebuah rumah di Taman Karung Emas Sungai Chua, pagi semalam.

Nyaris

ditimbus

tanah

RUNTUHAN berhenti tiga meter dari rumah mangsa.

■ Tanah di lereng bukit menggelongsor depan rumah

Oleh Mohd Fadly Samsudin

fadly@hmetro.com.my

Kajang

Seorang pemilik rumah bernasib baik apabila lereng bukit setinggi enam meter yang runtuh pagi semalam nyaris menenggelamkan kediamannya.

Dalam kejadian jam 9.30 pagi itu, runtuhan yang berlaku di belakang rumah mangsa di Taman Karung Emas, Sungai Chua di sini, dikatakan berhenti tiga meter dari pintu rumah mangsa.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor Mohd Sani Harul berkata, sebuah jentera dengan kekuatan enam anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kajang dikejarkan ke lokasi kejadian sejurus menerima panggilan jam 9.36 pagi.

“Sebaik tiba di lokasi kejadian, pihak kami mendapati kejadian membabitkan runtuhan tebing bukit dengan anggaran ketinggian enam meter.

“Jarak runtuhan dengan rumah adalah tiga meter, namun tidak membabitkan mangsa dan

sebarang kerosakan pada rumah berkenaan,” katanya.

Beliau berkata, pemilik rumah menghubungi pihak bomba kerana bimbang akan berlaku runtuhan lebih

besar berikutan hujan yang berlaku hampir setiap petang.

“Selepas melakukan peman-tauan di sekitar kawasan runtuhan, pihak kami kemudiannya menyerahkannya kepada Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) untuk tindakan selanjutnya.

FAKTA
Tiada sebarang kerosakan dan kecederaan dilaporkan dalam kejadian itu